


11 JUN 2018

Pelbagai dadah sintetik bernilai RM15,135 dirampas



Pelbagai dadah sintetik bernilai RM15,135 dirampas

SEBERANG PERAI – Polis merampas dadah jenis sintetik bernilai RM15,135 dalam satu serbuan di sebuah rumah di Jalan Raja Uda, Butterworth di sini kelmarin.

Dalam operasi kira-kira pukul 6 pagi oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU) itu, pihak polis turut menahan seorang lelaki berusia 21 tahun bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten

PELBAGAI jenis dadah sintetik bernilai RM15,135 dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Raja Uda, Butterworth kelmarin.

Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, pihaknya merampas 70 keping foil aluminium berwarna perak mengandungi 700 biji pil disyaki Eramin 5 serta 80 biji pil disyaki ekstasi.

“Serbuan itu turut menemui satu peket plastik lutsinar yang mengandungi bahan disyaki dadah jenis ketamin seberat 26 gram (g) dan satu peket plastik berisi dadah disyaki syabu (0.5g).

“Hasil siasatan mendapati, dadah yang dipercayai untuk dijual itu bernilai kira-kira RM 15,135.00 dan suspek positif dadah jenis amphetamine,” katanya dalam satu kenyataan semalam.